

Jual dadah nak cepat kaya

8 Januari 2018

Petaling Jaya

Jual dadah nak cepat kaya

Malas ke sekolah tetapi bercita-cita hidup kaya menjadi 'tokan' dadah.

Itu tindakan seorang remaja yang dikesan berjinak-jinak menjadi pengedar heroin di sekitar daerah ini sejak beberapa bulan lalu.

Sumber polis berkata, suspek berjaya ditahan susulan maklumat dan risikan dilakukan Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Petaling Jaya berhubung pengedaran dadah di daerah ini kelmarin.

"Sewaktu serbuan di Damansara di sini, suspek cuba melarikan diri namun berjaya diberkas.

"Hasil pemeriksaan dilakukan pihak polis menemui 10 peketer plastik lut sinar berisi heroin seberat 18 gram di dalam poket seluar suspek.

"Remaja terbabit kini direman bagi siasatan lanjut mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 kerana mengedar dadah," katanya ketika ditemui, semalam.